

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah subsidi yang telah disalurkan kepada inisiatif ‘Pas MY30 tanpa had’ untuk pengangkutan awam di Lembah Klang setiap bulan sejak dilaksanakan sehingga kini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, program pas My30 merupakan satu program jangka pendek yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 menerusi Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Inisiatif ini akan membolehkan pengguna membayar RM30 sahaja sebulan untuk menikmati pas perjalanan tanpa had bagi pengangkutan awam di bawah seliaan Prasarana di Lembah Klang. Inisiatif ini hanya terbuka kepada rakyat Malaysia untuk tempoh mulai 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. Program sementera ini diperkenalkan antara lain bertujuan menjana pemulihan semula ekonomi susulan pandemik Covid-19 dan mengurangkan beban kewangan yang dialami oleh orang ramai.

2. Jualan dan subsidi Kerajaan bagi program MY30 adalah seperti jadual di bawah :

Bulan	Pas Perjalanan MY30/Subsidi Kerajaan	
	Unit	RM
Jun 2020	77,133	13,112,610.00
Julai 2020	124,987	21,247,790.00
Ogos 2020	136,036	23,126,120.00
September 2020	150,000	25,500,000.00
Jumlah	488,156	82,986,520.00

3. Dalam tempoh pelaksanaan program pas My30 ini sehingga September 2020 jualan MY30 adalah sebanyak 488,156 di mana dapat dilihat peningkatan bulanan yang positif dan orang ramai menyambut baik inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat bagi meneruskan kelangsungan hidup dengan melanggan My30. Pelaksanaan Program ini dapat meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod utama pilihan rakyat dalam kehidupan seharian.

Sekian, terima kasih.